

Set 2


Arahan : Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian. Jawab semua soalan di Bahagian A dan Bahagian B serta pilih tiga soalan di Bahagian C. Jawab semua soalan di ruang yang disediakan.

Bahagian A [20 markah]

Bahagian ini mengandungi 20 soalan objektif. Jawab semua soalan di ruang yang disediakan.



1. X dalam rajah di atas mewakili struktur
 A mantel C teras luar
 B kerak bumi D teras dalam



2. Bentuk muka bumi seperti foto di atas boleh ditemui di kawasan
 A hulu C tua
 B hilir D tengah
3. Mengapakah kawasan Tanah Tinggi Cameron sesuai untuk aktiviti penanaman hawa sederhana?
 A Terdapat kawasan yang luas dan rata
 B Suhu yang sederhana dan nyaman
 C Terdapat ramai penduduk di situ
 D Aktiviti pelancongan yang pesat
4. Mengapakah kawasan pantai barat Semenanjung Malaysia berpenduduk padat?
 A Kawasan tanah pamah yang subur
 B Banyak kemudahan pengangkutan air
 C Kawasan petempatan nelayan
 D Terdapat banyak kawasan eko pelancongan

- Tasik vulkanik terbesar
- Kawasan pelancongan

5. Pernyataan di atas berkait dengan
 A Tasik Kenyir C Danau Toba
 B Tonle Sap D Tasik Bera



6. Proses X ialah
 A sejatan C kondensasi
 B kerpasan D pemejalwapan

- Aktiviti penanaman padi
- Kawasan penduduk padat

7. Pernyataan di atas mungkin sekali dapat dikaitkan dengan kawasan bertanda



- A I C III
 B II D IV

8. Antara berikut, pernyataan manakah yang betul?

	Negeri	Ibu negeri
A	Perak	Kangar
B	Sabah	Ipoh
C	Perlis	Kota Kinabalu
D	Kelantan	Kota Bharu

9. Ciri iklim di Malaysia adalah
 A suhu sekata sekitar 40 °C
 B mengalami satu musim kering
 C panas dan kering sepanjang tahun
 D jumlah hujan sekitar 2600 mm setahun

10. Kesan pergerakan putaran bumi ialah
 A kejadian empat musim
 B kejadian siang dan malam
 C kejadian gerhana matahari
 D kejadian gerhana bulan

11. Mengapakah suhu di kawasan bandar lebih tinggi?
 A banyak kawasan hijau
 B air sungai yang tercemar
 C laluan jalan raya berturap
 D terdapat kereta api elektrik

- Kelajuan boleh mencecah 320 km/j
- Sangat menepati masa

12. Pernyataan di atas merujuk kepada
 A Landasan kereta api India
 B Landasan kereta api Trans Siberian
 C Landasan kereta api Shinkansen
 D Landasan kereta api di China



13. Mengapakah produk di atas dikaitkan dengan teknologi hijau?
 A menjimatkan kos
 B mengurangkan penggunaan petrol
 C boleh mengelakkan kesesakan lalulintas
 D mengurangkan penggunaan kenderaan awam

14. Faktor utama yang membezakan jenis-jenis tumbuhan semula jadi di dunia ialah
 A iklim
 B bentuk muka bumi
 C saliran
 D tanah

15. Tanah jenis aridisol boleh didapati di kawasan
 A gurun panas
 B hutan hujan tropika
 C siberia
 D mediterranean



16. Hidupan liar di atas boleh didapati di kawasan
 A Utara Asia
 B Gurun Sahara
 C India
 D Selatan China



17. Bahan mentah yang digunakan untuk aktiviti di atas berasal dari sumber
 A kuprum
 B bauksit
 C emas
 D petroleum

18. Kegiatan ekonomi agro pelancongan dapat dikaitkan dengan kawasan
 A Jengka
 B Kundasang
 C Mersing
 D Langkawi

19. Tenaga solar digunakan secara meluas di
 A Jepun
 B China
 C India
 D Belanda

- ASEAN
- APEC

20. Kerjasama di atas merujuk kepada
 A kerjasama serantau
 B kerjasama sedunia
 C kerjasama dua hala
 D kerjasama kumpulan negara